

06/06/1999

Pelarian Kosovo terus dapat simpati

KUALA LUMPUR: Tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK) terus mendapat perhatian daripada pelbagai pihak yang bersimpati terhadap nasib lebih 600,000 pelarian Albania di Kosovo termasuk daripada syarikat swasta dan parti politik.

Di KOTA BHARU, BBK menerima sumbangan sebanyak RM6,153.02 yang dikutip oleh sebuah syarikat pengedar makanan kesihatan dan perubatan herba di sini, kelmarin.

Kutipan berkenaan dilakukan promoter, pengedar dan kakitangan Seri MH Ummi Sdn Bhd dan SF Minda Sdn Bhd di beberapa cawangan mereka di seluruh negara.

Pengarah Urusan Seri MH Ummi Sdn Bhd, Abdullah Beeran, berkata pihaknya menyediakan tabung berkenaan di setiap cawangannya untuk mengutip derma bagi membantu meringankan penderitaan rakyat Kosovo.

Cek berkenaan disampaikan Pengarah Urusan SF Minda Sdn Bhd, Ibrahim Ismail, kepada Ketua Biro New Straits Times Sdn Bhd (NSTSB) cawangan Kelantan, Manisah Ismail, sempena sambutan Hari Honorarium Konsumer Semusim Peringkat II, kelmarin.

Tabung BBK dibentuk hasil kerjasama the New Straits Times Press (M) Bhd, Utusan Melayu (M) Bhd, TV3 dan Majlis Belia Malaysia (MBM).

Di KLANG, Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) bahagian Klang melancarkan kempen membasuh kereta di Club Coast Selangor, di sini, semalam dengan matlamat mendapatkan RM10,000 untuk disumbang kepada tabung BBK.

Pengerusi PPP Selangor, Alex Thiagarasan, berkata sambutan baik ahli parti dan orang ramai, terutama ahli perniagaan memberi keyakinan jumlah wang sebanyak itu dapat dikumpul dalam masa singkat.

"Sambutan yang menggalakkan ini kerana program yang diadakan bertujuan murni bagi membantu rakyat Kosovo yang sedang menderita," katanya.

Menurutnya, kutipan itu akan diserahkan kepada tabung BBK menerusi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mesyuarat Agung Tahunan parti di Pusat Islam, Kuala Lumpur, minggu depan.

Dr Mahathir dijadualkan menyerahkan wang itu kepada The New Straits Times Press (M) Bhd.

Lebih daripada 50 ahli PPP dari bahagian Klang dan negeri berkumpul mulai jam 10 pagi bersama anak isteri masing-masing mulai jam 10 pagi hingga 5 petang untuk menjayakan kempen itu.

Sementara itu, pengerusi bersama kempen basuh kereta PPP, S G Jothie, berkata program seperti itu turut dijalankan di Teluk Intan dan Ipoh, Perak, semalam manakala dalam kempen yang dijalankan di Kulim, Kedah, kelmarin, PPP mengumpul RM1,000.

Di Shah Alam, pemandu wanita, Ann Ong, 31, adalah pemandu yang menyertai Kempen Kebajikan untuk mengisi tabung BBK anjuran Kelab Porche Malaysia di Litar Lumba Shah Alam, semalam.

(END)